



## SIARAN MEDIA

### **LTAT MENGISYTIHARKAN KADAR DIVIDEN 5 PERATUS**

#### ***Pengekalan Dividen serta Peningkatan Prestasi Kewangan Bukti Ketahanan dan Kestabilan Dana***

**KUALA LUMPUR, 4 APRIL 2024** – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) megisytiharkan dividen pada kadar 5.0 peratus bagi tahun kewangan 2023 hari ini, dengan jumlah agihan pembayaran sebanyak RM485.08 juta berbanding RM476.45 juta pada tahun sebelumnya. Tahun ini merupakan tahun kedua yang berturut-turut bagi pengisytiharan kadar dividen sebanyak 5 peratus oleh LTAT.

#### **Tahun yang disemak**

Pada tahun 2023, LTAT telah memperoleh beberapa pencapaian penting yang menyumbang kepada peningkatan prestasi keseluruhannya. Ini termasuk pelancaran Pelan Strategik LTAT 2023-2025 (“MAMPAN25”), pelan hala tuju strategik ke arah merealisasikan visi baharunya untuk menjadi sebuah “Kumpulan Wang Simpanan Yang Mampan” melalui pelbagai inisiatif termasuk integrasi penuh amalan *Future-of-Work*, penerapan piawaian pelaburan yang mampan, meningkatkan kecairan aset, meningkatkan indeks perkhidmatan pelanggan dan pelbagai lagi. Pelan ini disokong oleh empat (4) Teras Utama (Pertumbuhan, Ketahanan, Impak, Kepercayaan – GRIT) yang juga menampilkan komitmen LTAT untuk menyediakan kadar dividen yang mampan bagi setiap tahun, seperti yang ditunjukkan oleh pengisytiharan dividen bagi tahun 2023.

LTAT turut mengenalkan cogan kata korporat “Demi Wira Kami” untuk menandakan penghormatan yang mendalam kepada pencarumnya yang terdiri daripada anggota ATM. Cogan kata ini merupakan terjemahan komitmen LTAT yang berterusan dalam memastikan kebajikan dan kepentingan wira-wira negara dan mengetengahkan fokus dalam memenuhi keperluan dan aspirasi mereka. Dengan cogan kata “Demi Wira Kami” sebagai prinsip panduannya, LTAT telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk para pencarumnya termasuk Larian Wira, acara sukan yang dianjurkan bagi mengingati pengorbanan wira-wira negara dan program Jelajah Sarawak, jerayawara yang julung kalinya dianjurkan di dalam Kem Tentera di Kuching, Miri, dan Sibu.

Selain itu, LTAT juga telah melancarkan Pelan Pencegahan Rasuah (*Organisational Anti-Corruption Plan*) yang merupakan sebahagian daripada usaha yang berterusan untuk meningkatkan budaya integriti, tadbir urus yang kukuh dan amalan beretika.

**Semakan Prestasi Kewangan**

| Tahun                | Kadar Dividen (%) | Aset Di Bawah Pengurusan (RM Bilion) | Jumlah Pendapatan (RM Juta) | Untung Bersih (RM Juta) | Pendapatan Tertahan pasca Dividen (RM Juta) | Gabungan Rizab (RM Juta) |
|----------------------|-------------------|--------------------------------------|-----------------------------|-------------------------|---|--------------------------|
| 2019                 | 2.5               | 9.22                                 | 195.23                      | 92.80                   | 63.48                                       | 75.6                     |
| 2020                 | 3.5               | 9.26                                 | 341.08                      | 134.91                  | 193.20                                      | (182.4)                  |
| 2021                 | 4.1               | 9.77                                 | 513.84                      | 382.86                  | 289.15                                      | 4.6                      |
| 2022                 | 5.0               | 10.33                                | 653.00                      | 432.47                  | 498.65                                      | 160.6                    |
| 2023 (belum diaudit) | 5.0               | 10.77*                               | 738.12                      | 537.90                  | 756.81                                      | 450.3                    |

**Jadual: Kadar Dividen dan Prestasi Kewangan bagi Tahun 2019 hingga 2023**  
**\*Perjanjian Pinjaman Bersih dan Belian Balik**

Bagi tahun yang disemak, LTAT telah mencatatkan prestasi tahun-ke-tahun yang lebih baik bagi indikator kewangan utama. Jumlah pendapatan sebanyak RM738.12 juta, meningkat 13% berbanding tahun sebelumnya, telah diraih kebanyakannya melalui pelaburan ekuiti awam dan ekuiti swasta, yang diwakili oleh pendapatan tunai.

Keuntungan bersih sebanyak RM537.90 juta mewakili peningkatan lebih 24% berbanding RM432.47 juta pada tahun 2022. LTAT juga telah mencatatkan sebanyak RM756.81 juta dalam pendapatan tertahan (pasca dividen) bagi tahun dalam semakan, menandakan peningkatan yang ketara sebanyak 52% berbanding 498.65 juta pada tahun sebelumnya.

"Sejak lima tahun lalu, LTAT telah menyaksikan peningkatan yang ketara dalam prestasi kewangannya berikutan pelbagai usaha yang telah dilakukan bagi mengukuhkan kemampuan dana, termasuk pengimbangan semula portfolio, pengukuhan modal insan dan, pengurusan aliran tunai yang berhemah. Kami beriltizam untuk terus memberikan prestasi kewangan yang baik dan nilai tambah kepada semua pihak berkepentingan. Kesejahteraan sosio-ekonomi para pencarum akan sentiasa menjadi teras utama kami, memacu setiap keputusan dan inisiatif yang kami lakukan di LTAT," kata Ashraf Radzi, Ketua Eksekutif LTAT.

Dividen 2023 akan diagihkan kepada **123,380** pencarum pada hari Khamis, 4 April 2024. Para pencarum boleh menyemak akaun mereka melalui aplikasi mudah alih MyWIRA atau melayari laman web rasmi LTAT di [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my). Aplikasi MyWIRA boleh dimuat turun melalui Google Play atau Apple App Store.

**LEMBAGA TABUNG ANGGKATAN TENTERA (LTAT)**  
**4 APRIL 2024**

**Mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

LTAT menguruskan RM11.54 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat 31 Disember 2023 dengan pengisytiharan dividen sebanyak 5% kepada pencarum pada tahun 2022, selepas pembayaran tahun sebelumnya sebanyak 4.1% pada tahun 2021, 3.5% pada tahun 2020, 2.5% pada tahun 2019 dan 2% pada tahun 2018.

**PERHUBUNGAN MEDIA:**

**Izzat Alhadjri**

**Pengarah,**

**Ketua Komunikasi**

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my atau comms@ltat.gov.my

No. Tel : + 603-48158888

Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)